

DATUK BANDAR TERIMA DARJAH KEBESARAN

DATO' SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH
(D.S.I.S.)

> m/s 32



MENTERI KPKT TINJAU
KERJA-KERJA MEMBAIK
PULIH PASAR AWAM BAZAR
RAKYAT SK6/1, SERI
KEMBANGAN, SELANGOR

> m/s 30

ISI KANDUNGAN

HARI TANPA KENDERAAN SUBANG JAYA & SELANGOR CRITERIUM SERIES MERIAHKAN SUASANA HARI MINGGU SUBANG JAYA	3	TINDAKAN TEGAS KEPADA PREMIS PERNIAGAAN JALAN AKTIVITI TANPA KEBENARAN	17	MBSJ PBT PERTAMA LANCAR MANUAL PROSEDUR PENYEMPURNAAN WARAN TANGKAP DAN PELAKSANAAN KUASA-KUASA TANGKAPAN TANPA WARAN	33
PROJEK TELAGA TUBEWELL BERI MANFAAT KEPADA KOMUNITI	4	TANAH RUNTUH – MBSJ AMBIL TINDAKAN SEGERA	18	3,100 EKOR BURUNG GAGAK BERJAYA DITEMBAK	34
ROBOH STRUKTUR INGKAR ARAHAN	4	BUKA KAUNTER PERMUDAH URUSAN PEMBAHARUAN LESEN	18	PROGRAM MENEMBAK BERSAMA RAKAN MEDIA DAN AGENSI-AGENCI KERAJAAN MBSJ 2023 ERATKAN HUBUNGAN	34
AKTIVITI RIADAH UNTUK KOMUNITI SEMPENA HARI SUKAN NEGARA 2023	5	PERLAWANAN PERSAHABATAN ERAT HUBUNGAN	19	GOMBAK FA RANGKUL JUARA SELANGOR CHAMPION LEAGUE 2023	35
MBSJ LIBAT PEMEGANG TARUH BAGI MERANGKA BAJET 2024	6	MBSJ TERIMA ANUGERAH KEMAMPAKAN BANDAR [MURNINETS] PERINGKAT NEGERI SELANGOR	20	KONTINJEN MAKSAK SELANGOR RANGKUL JOHAN PERTANDINGAN 'BATTLE OF THE BANDS' DI FESTIVAL ANAK SENI MAKSAK [FASIM] 2023	35
MBSJ JUARA KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERBUKA SHAH ALAM – MESUMA 2023	6	PANTAS MBSJ SERTA KURSUS PERTINGKAT KEMAHIRAN PENGENDALIAN BOT DAN WATER CONFIDENCE PERINGKAT NEGERI SELANGOR	21	TANAH RUNTUH TAMAN WAWASAN, PUSAT BANDAR PUCHONG: MBSJ BERTINDAK PANTAS PASANG CERUCUK KAWAL PERGERAKAN TANAH	36
MBSJ SERTA 8TH SELANGOR SMART CITY & DIGITAL ECONOMY CONVENTION [SDEC]	7	MAJLIS SAMBUTAN BUDI, LAMBAIAN KASIH	22	PROGRAM ZIARAH KASIH BANTU GOLONGAN TIDAK BERKEMAMPUAN	37
KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN KEDIAMAN BERSTRATA	7	PROGRAM TREASURE HUNT EKSPLORASI MADANI	23	RECYCL8: A COMMUNITY BASED PLASTIC RECYCLING GALAK KEHIDUPAN LESTARI	37
KARNIVAL ULANG TAHUN KETIGA BANDAR RAYA DISAMBUT MERIAH	9	RANGKUL DUA ANUGERAH MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS SEMPENA MYPLACE AWARD 2023	26	LAWATAN KERJA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA [MBSJ] KE MAJLIS PERBANDARAN KAJANG [MPKJ]	38
MBSJ RANGKUL ANUGERAH DI MPIPANS 2023	10	PANTAS PERKASA KEMAHIRAN CANTASAN DAN PEMOTONGAN POKOK	26	PROJEK KEBUN KOMUNITI BERKONSEPKAN MESRA WARGA EMAS	38
MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDA ARASAN DELEGASI ANTARABANGSA	10	MAJLIS SAMBUTAN DEEPAVALI MBSJ 2023	27		
PROGRAM U-PLATS BANTU USAHAWAN DI PENTADBIRAN MBSJ	11	AKSI LINCAH DAN MENARIK PESERTA DI PERTANDINGAN KABADDI PIALA DATUK BANDAR MBSJ 2023	27		
SESI LIBAT URUS RAPAT HUBUNGAN DUA HALA	11	MBSJ TERIMA LAWATAN KERJA DARIPADA UITM CAWANGAN PERAK	28		
KOMPAUN RM25,000.00 KEPADA PEMILIK TANAH JALAN AKTIVITI PELUPUSAN SAMPAH TANPA KELULUSAN	12	MAJLIS PENGHARGAAN KEBUN KOMUNITI	28		
SIAP SIAGA HADAPI MONSUN TIMUR LAUT	12	SERAMAI 42 PESERTA SERTA PROGRAM U-PLATS MODUL 3 – PENCIPTAAN KANDUNGAN DIGITAL	29		
MBSJ TERIMA PENGIKTIRAFAN NSOHA	13	LATIHAN KEBAKARAN DAN PENGUNGSIAN BANGUNAN TINGKAT SIAP SIAGA BENCANA	29		
MBSJ HARUM NAMA MALAYSIA, RAIH ANUGERAH EMAS DI ICQCC, BEIJING CHINA	13	MENTERI PKPT TINJAU KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH PASAR AWAM BAZAR RAKYAT SK6/1, SERI KEMBANGAN, SELANGOR	30		
MBSJ PERKENAL SISTEM PEMANTAUAN ARAS AIR	14	KEJOHANAN SELANGOR CRITERIUM SERIES X SUBANG JAYA SIRI KEDUA HANGATKAN HARI TANPA KENDERAAN SUBANG JAYA	31		
MBSJ PANTAS HULUR BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR	14	DATUK BANDAR TERIMA DARJAH KEBESARAN DATO' SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH [D.S.I.S.]	32		
MBSJ PAMER KOMITMEN JADI BANDARAYA TERANCANG	15	PERHIMPUNAN TERAKHIR BAGI TAHUN 2023	33		
BOLA SEPAK ERAT HUBUNGAN	16				
3,800 PETAK PARKIR MULA DIKENAKAN BAYARAN	16				
PERKONGSIAN ILMU BERSAMA MAJLIS DAERAH SRI AMAN, SARAWAK	17				

SIDANG REDAKSI

PENAUUNG:

Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, D.S.I.S., S.M.S.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengerah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengerah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrin Hanief bin Shaharolzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani binti Ahmad
Encik Fazli bin Naiman



PANTAS MBSJ SERTA KURSUS PERTINGKAT KEMAHIRAN PENGENDALIAN BOT DAN WATER CONFIDENCE PERINGKAT NEGERI SELANGOR



**SILA IMBAS
KOD QR**

UNTUK MENGAKSES LEBIH
BANYAK GAMBAR PROGRAM
HARI TANPA KENDERAAN
OKTOBER 2023

HARI TANPA KENDERAAN SUBANG JAYA & SELANGOR CRITERIUM SERIES

MERIAHKAN SUASANA HARI MINGGU SUBANG JAYA



Kejohanan Selangor Criterium Series X Subang Jaya 2023 Siri 1 dan Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya telah memeriahkan minggu pertama bulan Oktober di Subang Jaya.

Seramai 300 pelumba basikal profesional & amatur bersaing di dalam kejohanan Selangor Criterium Series X Subang Jaya.

Sebanyak 20 aktiviti sihat dan cergas seperti aktiviti senamrobik, kayuhan santai, *abseiling/flying fox*, aktiviti memanah, Street Soccer, bazar sarapan pagi, pemeriksaan kesihatan dan mata secara percuma, refleksologi, pembukaan kaunter bergerak cukai taksiran, pameran penghasilan baja kompos serta kesedaran pencegahan wabak denggi, Eco Free Market, program 'What A Waste', pameran dari agensi-agensi luar serta cabutan bertuah telah berjalan



sempena Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya edisi Bulan Oktober 2023. Dianggarkan seramai 2,000 pengunjung dan peserta yang telah hadir dan terlibat di HTK kali ini.



Adalah diharapkan usaha ini dapat memperkasakan lagi usaha penghijauan bumi seterusnya merealisasikan hasrat MBSJ menjadi Bandaraya Rendah Karbon 2030.



PROJEK TELAGA TUBEWELL

BERI MANFAAT KEPADA KOMUNITI



Program Geran Komuniti Subang Jaya Smart Vibrant 2023 terbukti berjaya memberi manfaat kepada komuniti. melalui Projek Telaga Tubewell [Air Bawah Tanah].

Projek yang berteraskan sumber asli ini dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA, Jabatan Mineral & Geosains Malaysia serta Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ [MPP Zon 4] serta RT USJ 3Four.

Projek Telaga Tubewell [Air Bawah Tanah] ini merupakan projek komuniti yang pertama seumpamanya di Malaysia di mana air telaga dikorek sedalam 300 kaki atau 100 meter melepasi batuan granite dan sumber alternatif ini dimanfaatkan oleh komuniti bagi mengairi kebun komuniti.

Sesi penyerahan, Tubewell projek komuniti bawah tanah Universiti Teknologi Mara kepada pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya telah berlangsung pada 6 Oktober 2023 yang lalu bertempat di Kebun Komuniti USJ 3 /4 dan telah dihadiri oleh Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj Yeop Hashim, Ahli Majlis MPP Zon 4, En. Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ, En. Khairudin Shamsudin, Puan Kamilawati binti Ibrahim dan En. Azli bin Sabri, Jurutera Jabatan Kejuruteraan MBSJ serta Mr. Tan Yeng Yap wakil dari Kawasan Rukun Tetangga [KRT] USJ 3 /4.

Semoga dengan pelaksanaan inisiatif ini akan dapat memberi impak positif yang berterusan kepada komuniti setempat.



ROBOH STRUKTUR INGKAR ARAHAN



Dalam operasi ini, struktur tambahan yang dibina di bahagian tepi, hadapan dan luar premis tanpa izin telah dikenakan tindakan perobohan mengikut Seksyen 72 [5] [6], Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] bagi kesalahan di bawah Seksyen 70 dan Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] untuk meruntuhkan keseluruhan binaan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis dikeluarkan.

Sehingga Disember 2023 sebanyak 18 operasi perobohan struktur yang telah dilakukan oleh Jabatan Bangunan dengan kerjasama jabatan dalaman dan agensi-agensi yang lain.

Pemilik premis dinasihati supaya sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis atau tindakan tegas akan dikenakan kepada mereka yang ingkar.

Sebuah premis yang melanggar peraturan MBSJ di Jalan Putra Permai 10/5A telah dikenakan tindakan perobohan dalam satu operasi bersepadu pada 10 Oktober 2023 yang lalu.

Operasi ini telah diketuai oleh Encik Mohd Safiee bin Junun, Penolong Pengarah [Kanan] Jabatan Bangunan MBSJ. Turut serta Encik Mohd Tarmizi bin Lazim, Ahli Majlis merangkap Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Zon 7 MBSJ, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Jabatan Penguatkuasaan MBSJ serta pihak PDRM [IPD Subang dan Balai Polis Putra Height] dan Tenaga Nasional Berhad [TNB].





AKTIVITI RIADAH UNTUK KOMUNITI

SEMPENA HARI SUKAN NEGARA 2023



Pada 14 Oktober 2023 bertempat di Taman Rekreasi Wawasan, Puchong, telah berlangsung Sambutan Hari Sukan Negara 2023 peringkat Daerah Petaling.

Sambutan yang diadakan hasil kolaborasi bersama Jabatan Belia dan Sukan Daerah Petaling ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Selangor [ADNS] Zon Kinrara bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah Encik Mohd Saibie bin Ibrahim, Pegawai Belia dan Sukan Daerah Petaling.

Pelbagai aktiviti telah direncanakan sepanjang program berlangsung seperti Bola Keranjang 5x5, Pertandingan Memanah, Pertandingan Woodball, Pertandingan

'Street Dance Challenge', Aerobik & Zumba, Fun Walk, Fun Trail Ride [Mountain Bike] serta aktiviti Mari Mencuba@Dechathlon.

Dalam program yang sama juga, turut diadakan Majlis Perasmian bagi 2 kemudahan awam iaitu Pentas Tari Wawasan dan Laluan Pejalan Kaki [Walkable City] serta pelepasan

peserta aktiviti lasak sukan 'Mountain Bike'.

Adalah diharapkan program ini dapat menggalakkan lagi aktiviti riadah di kalangan komuniti serta dapat melahirkan komuniti yang lebih sihat dan sejahtera.



MBSJ LIBAT PEMEGANG TARUH BAGI MERANGKA BAJET 2024



Seramai 150 individu terdiri daripada pemegang taruh serta wakil penduduk di pentadbiran Subang Jaya telah hadir untuk mendengar serta memberikan pandangan mereka semasa Sesi Libat Urus (Town Hall) Bajet MBSJ 2024 yang telah berlangsung di The Saujana Hotel Golf Resort pada 15 Oktober 2023 yang lalu.

Dalam sesi libat urus tersebut, Dato' Bandar MBSJ telah menerangkan mengenai kedudukan kewangan Majlis serta mendapatkan maklumbalas dan cadangan konstruktif dari komuniti serta pemegang

taruh bagi dipertimbangkan sebagai input dalam merangka strategi berkaitan pelan belanjawan MBSJ bagi tahun 2024.

Dalam merangka draf bajet ini, MBSJ akan terus mengimpilikasikan Anggaran Belanjawan Tahun 2024 berasaskan 'Modified Budgeting System (MBSJ)' selari dengan Tekad Belanjawan MADANI bagi memegang prinsip pertanggungjawaban dan sistem

nilai yang tinggi selain memberi tumpuan kepada 4 fokus utama saranan Kerajaan Negeri bagi tahun 2024 iaitu Projek Fizikal / Infrastruktur [Go Physical], Digitalisasi [Go Digital], People-Centric dan Pemugaran Ekonomi. Selain itu, Sesi Townhall ini telah dijalankan dengan berpanduan 6 Ciri Bandar iaitu Bandar Selamat, Bandar Pintar, Bandar Sejahtera, Bandar Sihat, Bandar Hijau dan Bandar Makmur.



TOWN HALL BAJET MBSJ 2024

15 OKTOBER 2023

9.00 PAGI HINGGA 1.00 TGA

THE BALLROOM, THE SAUJANA HOTEL GOLF RESORT

MBSJ JUARA KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERBUKA SHAH ALAM - MESUMA 2023



MBSJ (A) berjaya menjadi Juara dalam Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Shah Alam - MESUMA 2023 setelah berjaya menewaskan Angkatan Tentera Malaysia (B) dengan keputusan 2 - 0. Hadiah kemenangan telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Shah Alam.

Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Shah Alam - Mesuma 2023 ini telah bermula dari 13 hingga 15 Oktober 2023 [Jumaat - Ahad] bertempat di Dewan MBSA Seksyen 19, Shah Alam dan kejohanan ini merupakan anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam dengan kerjasama MESUMA.

Syabas dan semoga kecemerlangan ini dapat diteruskan di masa hadapan.





KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN KEDIAMAN BERSTRATA



MBSJ telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata [Comprehensive Strata Management And Residential Training @ CSMART] MBSJ 2023.



Kursus ini telah diadakan pada 13 - 15 Oktober 2023 yang lalu bertempat di D'Wharf Hotel & Serviced Residence, Port Dickson, Negeri Sembilan dan telah disertai seramai 36 orang peserta.

Adalah diharapkan dengan penganjuran kursus ini, para peserta dapat memahami mengenai pengurusan dan penyelenggaraan bangunan strata oleh pihak JMB/MC selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

MBSJ SERTA 8TH SELANGOR SMART CITY & DIGITAL ECONOMY CONVENTION (SDEC)



Majlis Bandaraya Subang Jaya sekali lagi pada tahun ini menyertai 8th Selangor Smart City & Digital Economy Convention (SDEC) dengan membuka reruai pameran.

Pada kali ini, MBSJ telah mempamerkan kepada pengunjung reruai MBSJ mengenai projek inovasi City Performance Management System, Pengurusan Pembayaran Secara Digitalisasi serta Greenhouse Gas Inventory Management System.

Kesemua inovasi ini telah dipamerkan selama 4 hari bermula 19 - 22 Oktober 2023 bertempat di Hall 1, Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).





Karnival ULANG TAHUN BANDAR RAYA DI



Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-3, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah merencanakan pelbagai aktiviti sebagai pengisian acara sambutan.

Acara sambutan dimulakan dengan Program Eko Teroka sempena Minggu Alam Sekitar yang telah berlangsung di Sunway Lagoon Resort pada 19 Oktober 2023. MBSJ juga turut mengadakan Majlis Bacaan Yasin & Doa Selamat pada hari yang sama bertempat di Masjid As-Salam Puchong Perdana di mana majlis bacaan yasin dan doa selamat telah diadakan. Turut diadakan ceramah 'Bicara Perdana Bandaraya Madani' yang telah disampaikan oleh tetamu istimewa, YBhg. Dato' Haji Badli Shah bin Haji Alauddin, Sahibus Samahah, Timbalan Mufti Pahang.

Seterusnya, pada pagi 20 Oktober 2023 di Arena MBSJ telah berlangsung Perhimpunan Bulanan MBSJ dengan penglibatan dari Datuk Bandar, pihak pengurusan serta warga MBSJ. Di dalam Majlis ini, Datuk Bandar MBSJ telah menyampaikan ucapan tahniah serta mengharapkan warga MBSJ terus komited dalam memacu kecemerlangan MBSJ. Turut diadakan acara memotong pulut kuning semasa program berlangsung.

Acara kemuncak sambutan yang dinantikan adalah Pertandingan Perbarisan dan Perarakan yang telah berlangsung pada malam 20 Oktober 2023 di Arena MBSJ di mana seramai 50 kontingen dari pelbagai agensi kerajaan, pemegang taruh, badan beruniform, Majlis Perwakilan Penduduk serta Jabatan Dalam MBSJ telah mempamerkan kreativiti mereka semasa perarakan berlangsung.

Selain itu juga, MBSJ turut melaksanakan pelbagai aktiviti menarik bersempena Karnival Bandar Raya MBSJ 2023 seperti:

- Pertandingan BolaTampar [4 On 4]
- Sukan Rakyat
- Pertandingan Dart Terbuka
- Pertandingan Netball Shootout [5 On 5]
- Pertandingan Push Bike
- Pertandingan Melukis dan Mewarna Kanak-Kanak
- Pertandingan Karom Terbuka
- Pameran MBSJ dan Pelbagai Agensi
- Kempen Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan
- Pertandingan Penalty Shootout [5 On 5]
- Inflatable Castle
- Animal Show & Petting Zoo
- Jualan Makanan [Food Truck]
- Mini Konsert [Persembahan Kumpulan Wak Jeng]

MBSJ juga turut menawarkan insentif iaitu Kempen Pembayaran Kompauan 'FLAT RATE' sebanyak RM10.00 selama tempoh 3 bulan bermula 1 Oktober sehingga 31 Disember 2023 bagi setiap kesalahan trafik sepanjang tempoh kempen.

Karnival MUN KETIGA SAMBUT MERIAH



**SILA IMBAS
KOD QR**

UNTUK MENGAKSES LEBIH
BANYAK GAMBAR KARNIVAL
ULANG TAHUN KETIGA MBSJ
2023



MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDA ARASAN DELEGASI ANTARABANGSA



Pihak MBSJ berbesar hati menerima lawatan penendarasan delegasi antarabangsa dari World Forum Foundation bersama peserta daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang diketuai Encik Mark Elliot, Executive Director World Forum Foundation United States.

Sesi lawatan ini turut dihadiri oleh delegasi antarabangsa lain yang terdiri daripada Delegasi dari pelbagai Negara seperti United States, Australia, Pakistan, China, Afrika, Uganda, UAE yang bertujuan untuk mempelajari pendidikan awal kanak-kanak, inovasi-inovasi yang telah dilaksanakan dan

membincangkan isu-isu terkini berkenaan kanak-kanak di dunia. Lawatan ini juga merupakan satu platform pertukaran maklumat dan idea dalam menambahbaik mutu perkhidmatan kepada kanak-kanak dalam pelbagai aspek. Antara lokasi yang dilawati adalah Padang USJ 11, Padang USJ 12 dan Kompleks 3C [Pusat Perkembangan Kanak-kanak, Perpustakaan Hipermedia dan GOLD].

Diharap sesi lawatan ini akan dapat memperkasakan rangkaian kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dalam dan luar negara.



MBSJ RANGKUL ANUGERAH DI MPIPANS 2023



Kumpulan Corp Dynamic yang mewakili MBSJ berjaya merangkul anugerah Naib Johan bagi Projek Inovasi Pengurusan Pemantauan Prestasi Bandaraya [3 PB] dalam Anugerah Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor [MPIPANS] Tahun 2023.

Hadiah kemenangan telah diterima oleh YBhg Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik bersama-sama ahli Kumpulan Corp Dynamic.



Hadiah telah disampaikan oleh YB Tn. Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Agama Islam dan Pembangunan Inovasi pada program Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor [SIBS] 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur [KLCC] pada 20 Oktober 2023 yang lalu.



PROGRAM U-PLATS BANTU USAHAWAN DI PENTADBIRAN MBSJ



MBSJ komited dalam memperkasakan usahawan di pentadbirannya. Justeru, MBSJ dengan kerjasama Menteri Besar Selangor Incorporated [MBI] telah menganjurkan Program U-PLATS [PEMBANGUNAN USAHAWAN PLATS].

Program yang berlangsung pada 24 Oktober 2023 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ ini telah disertai seramai 46 orang peserta. Para peserta telah didedahkan dengan Modul 1: Pengenalan Kepada Usahawan dengan bimbingan dari pihak Selangor Youth Community [SAY].

Diharapkan program ini akan dapat memberikan pendedahan sekaligus mempersiapkan peniaga ke arah digitalisasi dan urusan tanpa tunai [cashless].



SESI LIBAT URUS RAPAT HUBUNGAN DUA HALA



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Program Townhall MBSJ 2023 bagi kawasan MPP Zon 7 yang telah dijalankan pada 24 Oktober 2023 bertempat di Dewan Masjid Putra Heights, Subang Jaya.

Program yang telah bermula pada jam 8.30 malam hingga 11.30 malam ini telah dihadiri YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ.

Dalam sesi libat urus ini, Datuk Bandar telah meluahkan masa untuk menyantuni serta mendengar segala aduan serta cadangan yang diberikan oleh mereka yang hadir ke sesi libat urus ini.

Adalah diharapkan, sesi libat urus ini dapat meningkatkan lagi hubungan dua hala di antara MBSJ dan juga masyarakat setempat di samping meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan MBSJ melalui maklumbalas yang diberikan.





KOMPAUN RM25,000.00 KEPADA PEMILIK TANAH

JALAN AKTIVITI PELUPUSAN
SAMPAH TANPA KELULUSAN



Seorang pemilik tanah telah dikenakan kompaun berjumlah RM 25,000.00 atas kesalahan menjalankan aktiviti pelupusan sampah tanpa kelulusan di kawasan Taman Perindustrian Puchong Perdana pada 24 Oktober 2023 yang lalu. Tindakan penguatkuasaan tersebut dilaksanakan mengikut Seksyen 9, Akta Jalan, Parit dan Bangunan [Akta 133] 1974.

Dalam operasi tersebut, MBSJ juga turut menyita jentera [milik penceroboh tanah] yang digunakan bagi menjalankan aktiviti pelupusan sampah haram berkenaan serta telah mengambil tindakan proaktif dengan menutup laluan tersebut melalui kaedah meletak blok-blok batu besar serta memasang tali kuning bagi menghalang laluan.

MBSJ mengambil serius mengenai perkara ini dan menasihati semua pemilik tanah untuk tidak melakukan kesalahan terutama yang melibatkan pencemaran alam sekitar.



SIAP SIAGA HADAPI MONSUN TIMUR LAUT



MBSJ sentiasa memastikan Pengurusan Bencana berada di tahap yang terbaik. Justeru itu, MBSJ telah mengadakan Latih Amal Kesiapsiagaan Menghadapi Monsun Timur Laut [MTL] pada 1 - 2 November 2023 yang lalu.

Sesi latihan ini yang melibatkan anggota Pasukan Tindakan Segera [PANTAS], IPD Subang Jaya dan IPD Serdang dikelolakan oleh jurulatih Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia [Zon Petaling, Selangor].

Ianya diadakan bagi memberi pendedahan yang menyerupai senario sebenar melibatkan aspek pengemudian bot, penyelamatan dan pemindahan mangsa semasa menghadapi Monsun Timur Laut [MTL] 2023.

Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain B. Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir bersama adalah YDH ACP Wan Azlan B. Wan Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, YDH ACP A.A Anbalagan, Ketua Polis Daerah Serdang dan pegawai daripada Jabatan BOMBA serta Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Petaling.

Adalah diharapkan, dengan adanya sesi latihan ini ianya dapat memperkasakan lagi pengurusan bencana MBSJ serta dapat mencapai hasrat MBSJ untuk menjadi sebuah bandar raya yang berdaya tahan [resilient city].



MBSJ TERIMA PENGIKTIRAFAN NSOHA



Kecemerlangan MBSJ terus lagi apabila MBSJ telah diumumkan sebagai pemenang saguhati 'National Scroll of Honour Award for Human Settlements' [NSOHA] 2023 bagi dua inisiatif projek MBSJ iaitu Program Pembangunan Ekonomi Digitalisasi Usahawan Mikro MBSJ dan Program Pembangunan Ekonomi Pintar 'Zero to Hero'@MBSJ Komuniti.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah menerima anugerah tersebut yang telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan pada 6 November 2023 yang lalu bertempat di Satok Ballroom, Hikmah Exchange Event Centre Kuching, Sarawak bersempena dengan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2023.

Dalam majlis yang sama, MBSJ juga turut menerima penghargaan dalam usaha dan komitmen organisasi dalam menyediakan laporan 'Voluntary Local Review' [VLR] dan 'SDGs



City Roadmap' 2022.

Tahniah diucapkan dan semoga kecemerlangan ini diteruskan di masa hadapan.



MBSJ HARUM NAMA MALAYSIA, RAIH ANUGERAH EMAS DI ICQCC, BEIJING CHINA



Pertaruhan MBSJ akhirnya membuahkan hasil apabila berjaya merangkul Anugerah Emas di '48th International Convention on Quality Circles [ICQCC] 2023' yang telah berlangsung pada 30 Oktober - 2 November 2023 di Beijing, China yang dikendalikan oleh China Association For Quality [CAQ].

Pasukan MBSJ yang diwakili oleh Pasukan Corp Dynamic dari Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik telah mempersembahkan projek inovasi City Performance Management System [CPMS] semasa pertandingan berlangsung.

Projek CPMS merupakan projek inovasi unggul bagi pemantauan prestasi 'Pelan Operasi Tahunan' dan 'Pelan Strategik' pihak

berkuasa tempatan [PBT] dan menyokong digitalisasi tadbir urus PBT. Projek ini juga pernah meraih Naib Johan kategori Inovasi Sosial [Penciptaan] bagi peringkat negeri Selangor di Anugerah Inovasi Negeri Selangor 2023.

Sebanyak 587 pasukan daripada 13 negara iaitu India, Thailand, China, Zambia, Korea, Singapura, Indonesia, Sri Lanka, Taiwan, Mauritius, Bangladesh dan Filipina di mana

Malaysia diwakili sejumlah 57 pasukan telah bertanding merebut anugerah tersebut.

Semoga pengiktirafan ini menjadi inspirasi bagi warga kerja MBSJ untuk terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi terus menjadikan MBSJ sebagai pihak berkuasa tempatan berprestasi tinggi bertaraf antarabangsa.



MBSJ PERKENAL SISTEM PEMANTAUAN ARAS AIR



MBSJ mengambil langkah proaktif memperkenalkan Sistem Pemantauan Paras Air MBSJ kepada pemegang taruh dan komuniti sebagai kaedah amaran awal kemungkinan berlaku kejadian banjir kilat / banjir.

Sistem amaran ini telah dipasang di lokasi-lokasi seperti berikut:

- Stesen 1 : Persiaran Kewajipan, USJ 8
- Stesen 2 : Persiaran Kewajipan USJ 13
- Stesen 3 : Kampung Tengah
- Stesen 4 : Kampung Bukit Lanchong
- Stesen 5 : Kampung Kuala Sungai Baru
- Stesen 6 : LDP, IOI Mall
- Stesen 7 : Jalan Kuyoh
- Stesen 8 : Jalan 3/15 Sungai Jinma
- Stesen 9 : Jalan Raya 3 Sungai Kuyoh
- Stesen 10 : Kunci Air Jalan 18/59, Taman Sri Serdang

Orang ramai boleh menyemak amaran paras air dengan mengimbas maklumat di pautan <https://mbsj.iot.es-sb.com/dashboard>. Amaran turut dikeluarkan di dalam 3 tahap iaitu Tahap 1: Berjaga-jaga, Tahap 2: Amaran dan Tahap 3: Bahaya.

SISTEM PEMANTAUAN ARAS AIR MBSJ

Bagi memudahkan perancangan perjalanan dan mengetahui situasi terkini keadaan banjir kilat terutamanya ketika musim tengkujuh, orang ramai boleh menyemak situasi paras aras air di bawah kawasan MBSJ dengan mudah melalui sistem pemantauan aras air banjir di kawasan berpotensi banjir melalui pautan

mbsj.iot.es-sb.com

Sila Imbas Kod QR

Justeru itu, orang ramai diminta untuk peka dengan maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini oleh Pihak Berkuasa.

Facebook, YouTube, Instagram, X, TikTok, Majlis Bandaraya Subang Jaya, @sjcitycouncil, www.mbsj.gov.my

Dengan adanya sistem ini yang dapat menyalurkan amaran awal bencana, Pasukan PANTAS MBSJ dan agensi keselamatan dapat bersedia untuk memberikan bantuan dengan lebih berkesan sekiranya berlaku kejadian

banjir. Penduduk yang terkesan di kawasan cenderung banjir juga mudah membuat persiapan untuk berpindah atau merancang perjalanan ketika kejadian seterusnya boleh menyelamatkan nyawa dan mengurangkan risiko kerosakan harta benda.



MBSJ telah mengambil tindakan pantas dengan membuka Pusat Pemindahan Sementara [PPS] di Dewan Serbaguna MBSJ, Dewan Camelia, Putra Heights susulan hujan lebat tanpa henti punca bencana banjir berlaku pada 6 November 2023 di Jalan Ikan Haruan 1, Kg. Bukit Lanchong.

Susulan bencana banjir tersebut, seramai 104 mangsa telah dipindahkan dari kediaman mereka ke PPS tersebut.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ, YBrs. Tn. Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan

Datuk Bandar MBSJ serta YB Tuan Preakas a/l Sampunathan, Ahli Dewan Negeri [ADN] Kota Kemuning telah turun tapak bagi menyantuni serta melihat sendiri keadaan mangsa-mangsa banjir.

Datuk Bandar bersama pengurusan tertinggi MBSJ turut turun padang bagi meninjau kawasan banjir di Jalan Ikan Haruan 1, Kg. Bukit Lanchong bagi melihat sendiri punca dan penyelesaian bagi kawasan yang terlibat dengan kejadian banjir.

MBSJ PANTAS HULUR BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR



MBSJ PAMER KOMITMEN JADI BANDARAYA TERANCANG



Bandaraya yang cemerlang terhasil dari perancangan pembangunan yang sistematik dan kondusif untuk kehidupan rakyat yang berkualiti dan sejahtera.

Menyedari hakikat tersebut, MBSJ sentiasa mencari ruang dan peluang untuk sama-sama meningkatkan prestasi perkhidmatan melalui penyertaan di kongres serta seminar dan ini direalisasikan melalui penyertaan MBSJ sebagai rakan agensi penganjuran Kongres Perancangan Peringkat Kebangsaan 2023 yang telah berlangsung di Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 8 - 9 November 2023 yang lalu.

Kongres Perancangan Peringkat Kebangsaan 2023 bertemakan Perancangan Bandar Malaysia MADANI Ke Arah Pemecutan SDG 2030 ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara. Dalam majlis perasmian tersebut, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ selaku wakil MBSJ turut menerima penghargaan sebagai rakan agensi bagi menjayakan kongres tersebut.

Selaku rakan agensi, MBSJ telah diberi peluang untuk mempamerkan inisiatif serta inovasi perancangan bandaraya MBSJ melalui ruai pameran serta mengadakan Sidang Plenari semasa kongres berlangsung.

MBSJ telah menganjurkan sesi plenari bertajuk 'Kemampuan Komuniti Mendepani Perubahan Iklim' di mana TPr. Ismail bin Muhamad, mantan Pengarah Perancangan Bandar, MBSJ merupakan panel di dalam sesi ini bersama YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor [Pembangunan] merangkap Pengarah UPEN, Encik Anthony Tan Kee Huat, Pengarah Kewangan Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPMPL), Dr. Alice Zuriah Asidah Abdullah, Ketua Unit Strategi Kemampuan KPJ Healthcare Berhad dan Dr. Helmi Zakariah, Ketua Pegawai Eksekutif Hayat Technologies Sdn. Bhd.





BOLA SEPAK

Erat Hubungan



Pada 8 November 2023 bertempat di Arena MBSJ, telah berlangsung Bola Sepak Persahabatan antara pasukan pilihan Ahli Parlimen Malaysia dan pasukan Komuniti Parlimen Subang.

4 serta Tuan Muhammad Zaki bin Yusoff, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBSJ.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat

atas semangat kesukanan yang tinggi sekaligus mengeratkan lagi hubungan silaturahim melalui aktiviti sukan bola sepak.



Di antara yang terlibat dalam perlawanan kali ini adalah YB Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Subang, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YDH. ACP Wan Azlan bin Wan Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, YBhg. Dato Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEB Waste Management Sdn. Bhd., Tuan. Ar Kamarul Hisham bin Hj Yeop Hashim, Ahli Majlis Zon



3,800 PETAK PARKIR

MULA DIKENAKAN BAYARAN



Sebanyak 3,800 unit petak parkir di kawasan perindustrian di pentadbiran MBSJ akan mula dikenakan bayaran bermula 1 Disember 2023.

Untuk fasa pertama, sebanyak 4 kawasan telah ditetapkan iaitu di PJS 7 (397 petak), PJS 9 (164 petak), PJS 11 (2,339 petak) dan SS 13 (900 petak).

Kesemua kenderaan awam serta lori akan dikenakan bayaran sebanyak RM0.50 sejam bermula jam 8.00 pagi sehingga 6.30 petang.

Orang ramai boleh melaksanakan pembayaran menggunakan Smart Selangor Parking, Flexi Parking, Touch N Go serta aplikasi SETEL.

MAKLUMAN

PELAKSANAAN BAYARAN PARKIR BERMULA

01 DISEMBER 2023

LOKASI: PJS 7, PJS 9, PJS 11 DAN SS 13

Pusat Panggilan Subang Jaya: 03-8024 7700

KADAR BAYARAN:

RM0.50 SEN / JAM

Bayaran Parkir Boleh Dibuat Melalui:

Smart Selangor Parking, Flexi Parking, Touch 'N Go, Setel

TINDAKAN TEGAS KEPADA PREMIS PERNIAGAAN **JALAN AKTIVITI TANPA KEBENARAN**



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah mengambil tindakan tegas kepada premis pusat penjagaan kesihatan dan kecantikan di Pusat Bandar Puchong dalam 1 operasi yang dilaksanakan pada 9 November 2023 yang lalu.

Dalam operasi tersebut, MBSJ telah mengambil tindakan penutupan premis serta sitaan barangan atas kesalahan menjalankan aktiviti tanpa kebenaran serta lain-lain kesalahan.

MBSJ akan terus melaksanakan pemantauan berkala di seluruh kawasan komersial di bawah kawasan pentadbiran MBSJ dan pemilik premis dinasihat supaya sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.



**SELAMAT DATANG
PUSAT BIOMASS BERSEPADU, MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

Perkongsian Ilmu

**BERSAMA MAJLIS DAERAH
SRI AMAN, SARAWAK**



MBSJ berbesar hati menerima lawatan penandaarasan daripada Majlis Daerah Sri Aman, Sarawak ke Pusat Biomass Bersepadu MBSJ yang diketuai oleh Encik Anthony Abell Anak Chendan, Ahli Majlis, Majlis Daerah Sri Aman, Sarawak.

Tujuan lawatan ini adalah untuk berkongsi pengalaman MBSJ dalam mencapai objektif bandar raya hijau dan mampan. Dalam lawatan tersebut, para delegasi telah dibawa melihat pelaksanaan aktiviti biomass, vermi compos serta cara-cara penyediaan baja untuk kegunaan tanaman di Pusat Biomass tersebut.

Adalah diharapkan melalui sesi lawatan ini para delegasi akan dapat mengimplimentasikan amalan terbaik dalam pengurusan dan tugas di agensi serta diharapkan lawatan ini dapat mengeratkan lagi hubungan di antara agensi.

TANAH RUNTUH

- MBSJ AMBIL TINDAKAN SEGERA



Hujan lebat yang berterusan telah menyebabkan struktur longkang monsun [Monsoon Drain] yang dianggarkan setinggi 2 meter telah rebak pada 14 November 2023 di Jalan BPU 6, Bandar Bukit Puchong. Runtuhan sepanjang 41 meter itu disebabkan kegagalan struktur 'L-Shape' menahan beban sedia ada di tapak kejadian. Keadaan menjadi semakin teruk apabila paras air di parit utama terlalu tinggi akibat taburan hujan lebat memberi lebih tekanan kepada struktur L-Shape berkenaan.

Lanjutan daripada perkara tersebut, telah menyebabkan sebahagian tempat letak kereta telah runtuh bersama 7 buah kenderaan yang memakir di kawasan tersebut namun tidak melibatkan sebarang kemalangan jiwa.

Lanjutan insiden tersebut, YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama wakil Jabatan Kejuruteraan serta wakil Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik telah turun tapak meninjau keadaan di tapak dan beliau telah mengarahkan agar tindakan segera diambil bagi membersihkan

dan memperbaiki longkang tersebut.



Selain itu juga, MBSJ turut mengambil tindakan segera dengan memasang kanvas bagi memastikan air permukaan tidak mengalir masuk ke tempat runtuhan, melaksanakan kerja-kerja pemasangan plastik barrier [penghalang] di lokasi kejadian serta menanam cerucuk kepingan sementara sepanjang 53 meter di kawasan runtuhan bertujuan menahan pergerakan tanah.



BUKA KAUNTER PERMUDAH URUSAN PEMBAHARUAN LESEN



MBSJ telah membuka Kaunter Pembaharuan Lesen Tahun 2024 secara digitalisasi dan tanpa tunai bagi memberi kemudahan kepada para peniaga.

Pembukaan kaunter pembaharuan lesen ini melibatkan pembaharuan lesen Pasar Pagi, Pasar Malam, Pasar Awam dan Medan Selera MBSJ.

Bagi zon Zon Subang Jaya, Kinrara, Puchong dan Putra Heights, kaunter tersebut akan dibuka bermula 1 hingga 15 November 2023 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ, USJ 7 Subang Jaya manakala pembukaan kaunter bagi Zon Serdang & Seri Kembangan akan bermula 20 hingga 28 November 2023 bertempat di Stadium MBSJ Serdang Jaya.





PEMBERITAHUAN



KAUNTER PEMBAHARUAN LESEN MBSJ TAHUN 2024

PASAR PAGI, PASAR MALAM, PASAR AWAM DAN MEDAN SELERA

ISNIN-KHAMIS		JUMAAT	
9.00 PAGI - 12.30 TENGAH HARI (SESI PAGI)	9.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI (SESI PAGI)	12.00 TENGAH HARI - 2.30 PETANG (REHAT)	12.00 TENGAH HARI - 2.30 PETANG (REHAT)
1.00 PETANG - 2.00 PETANG (REHAT)	2.00 PETANG - 4.00 PETANG (SESI PETANG)	2.30 PETANG - 4.00 PETANG (SESI PETANG)	

SILA SCAN QR UNTUK JADUAL PEMBAHARUAN LESEN

**ZON
SUBANG JAYA, KINRARA,
PUCHONG & PUTRA HEIGHTS**



01 NOV 2023 - 15 NOV 2023

LOKASI :
DEWAN SERBAGUNA MBSJ USJ 7, SUBANG JAYA

**ZON
SERDANG &
SERI KEMBANGAN**



20 NOV 2023 - 28 NOV 2023

LOKASI :
STADIUM MBSJ, SERDANG JAYA

*Bayaran secara kad debit / kad kredit / ezy MBSJ / e-Wallet













Majlis Bandaraya Subang Jaya | @citycouncil | www.mbsj.gov.my



PERLAWANAN PERSAHABATAN *Erat Hubungan*



Jabatan Penguatkuasaan MBSJ telah menganjurkan perlakuan persahabatan bersama Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bertempat di Arena MBSJ pada 17 November 2023 yang lalu.

Perlakuan persahabatan ini diadakan bagi mengeratkan ukhuwah serta meningkatkan semangat kesukanan di kalangan warga penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ turut berkesempatan melihat perlakuan tersebut yang mempertaruhkan 4 kategori perlakuan iaitu bola sepak, bola jaring, karom dan bola tampar.

Tahniah dan syabas kepada semua anggota yang terlibat dalam perlakuan persahabatan ini.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

BOLA JARING

MBSJ [14] - MPAJ [9]

BOLA TAMPAR

MBSJ [2] - MPAJ [1]

BOLA SEPAK

MBSJ [2] - MPAJ [2]

KAROM

MBSJ [4] - MPAJ [1]



MBSJ TERIMA ANUGERAH

Kemampanan Bandar

[MURNINETS] PERINGKAT NEGERI SELANGOR



MBSJ sekali lagi meneruskan kecemerlangannya apabila menerima Anugerah Kemampanan Bandar [MURNINETS] Peringkat Negeri Selangor pada 19 November 2023.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah menerima anugerah tersebut dalam Majlis Penganugerahan Kemampanan Bandar [MURNInets] Peringkat Negeri Selangor yang telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bertempat di Kampung Endah, Kuala Langat, Selangor.

Anugerah ini diterima oleh MBSJ sebagai tanda penghargaan atas kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam melaksanakan program MURNInet dan juga inisiatif mampan bandar raya.

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor pada tahun ini dianjurkan oleh PLANMalaysia Selangor bersama agensi-agensi terlibat seperti Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Langat, MPKK Kampung Endah dan seluruh warga Kampung Endah selama 3 hari bermula 17 -19 November 2023.





PANTAS MBSJ SERTA KURSUS PERTINGKAT KEMAHIRAN PENGENDALIAN BOT DAN WATER CONFIDENCE PERINGKAT NEGERI SELANGOR



Dalam usaha meningkatkan lagi kemahiran penyelamatan, seramai 4 anggota skuad PANTAS MBSJ telah menyertai Program Latihan Pengendalian Bot dan Water Confidence Peringkat Negeri Selangor. Program ini telah berlangsung pada 17-18 November 2023 bertempat di Empangan Batu, Sungai Tua, Gombak.

Semasa kursus tersebut, para peserta seramai 138 orang peserta yang terdiri daripada anggota Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, Angkatan Pertahanan Awam Selangor, Polis Kontinjen Selangor dan Briged Ke-11 Angkatan Tentera Malaysia [ATM] telah didedahkan dengan Simulasi Latihan Pengendalian Bot dan Keyakinan Dalam Air peringkat negeri bagi membantu meningkatkan

lagi tahap kemahiran menyelamatkan mangsa banjir.

Mereka juga turut mempelajari tatacara mengendali bot, tatacara penggunaan rangkaian radio bersepadu kerajaan (GIRN) dan kursus-kursus asas berkaitan menyelamatkan mangsa.

MBSJ juga turut membantu dalam peminjaman aset bagi tujuan latihan tersebut seperti kenderaan pacuan 4 roda, lori, inflatable bot serta peralatan, jaket keselamatan serta enjin.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan dan diiringi YB Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat.



Majlis Sambutan Budi, Lambaian Kasih

TPr. ISMAIL BIN MUHAMAD



MBSJ menghargai jasa yang telah dicurahkan oleh TPr. Ismail bin Muhamad, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya kepada organisasi ini.

Justeru itu, beliau yang telah mula berkhidmat di Majlis Daerah Petaling ini telah diraikan dalam satu 'Majlis Sambutan Budi, Lambaian Kasih' pada 22 November 2023 bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Terima kasih atas khidmat bakti selama lebih dari 3 dekad buat MBSJ. Selamat maju jaya diucapkan buat Tuan TPr. Ismail bin Muhamad.





Program Treasure Hunt

EKSPLORASI MADANI



Dalam usaha memupuk semangat kerja berpasukan serta menguji fizikal serta mental warga kerja, MBSJ telah menganjurkan Program Treasure Hunt Eksplorasi Madani Sempena Sambutan Bulan Inovasi pada 30 November 2023.

Sebanyak 25 pasukan telah menyertai program tersebut yang telah disempurnakan oleh YBr. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar bersama YBr. Tuan Ir. Rosli bin Mohamad Yunus, Timbalan Setiausaha MBSJ.

Syabas dan tahniah kepada semua pemenang dan peserta yang telah memberi komitmen dan mengambil bahagian sepanjang program ini berlangsung.





WARNA-WARNI KOMUNITI

AKTIVITI MPP BULAN OKTOBER - DISEMBER 2023

Oktober

MPP
ZON 1



15.10.2023 (AHAD)
BENGKEL MEMBUAT BAHULU CERMAI
 KOMPLEKS 3C MBSJ

MPP
ZON 2



8.10.2023 (AHAD)
OPERASI MENGUTIP BANGKAI TIKUS SUNWAY METRO
 PJS 11/28

MPP
ZON 3



17.10.2023 (SELASA)
PROGRAM STUDY TOUR WORLDS FORUM 2023
 SHAH ALAM MITECT, KLCC & BATU CAVE

MPP
ZON 4



6.10.2023 (JUMAAT)
MAJLIS PENYERAHAN PROJEK TUBEWELL
 KABIN KRT USJ 3FOUR

MPP
ZON 5



8.10.2023 (AHAD)
GOTONG ROYONG PERDANA
 TP7 BATU TIGA

November

MPP
ZON 8



4.11.2023 (SABTU)
PROGRAM KEJOHANAN BOLA SEPAK KOMUNITI PUCHONG 2023
SEKITAR KG. TENGAH

MPP
ZON 10



6.11.2023 (ISNIN)
LAWATAN SAMBIL BELAJAR KEBUN KOMUNITI
KEBUN KOMUNITI MPP ZON 10

MPP
ZON 11



23.11.2023 (KHAMIS)
SAMBUHAN HARI DEEPAVALI BERSAMA KANAK-KANAK
BALAI MASYARAKAT BUKIT KUCHAI 19

MPP
ZON 13



5.11.2023 (AHAD)
MAJLIS SAMBUHAN MAULIDUL RASUL
SURAU AL MASHITAH TAMAN PUCHONG INDAH

MPP
ZON 14



11.11.2023 (SABTU)
PROGRAM LAWATAN & MENGAJI KELAS MENGAJI MPP ZON 14
DATARAN PUCHONG PERMAI

Disember

MPP
ZON 16



9.12.2023 (SABTU)
PROGRAM BASMI TIKUS
PUTERI 7 BANDAR PUTERI

MPP
ZON 17



2.12.2023 (SABTU)
SAMBUHAN DEEPAVALI ZON 17 DAN MBSJ
DEWAN SERBAGUNA MBSJ SERI KEMBANGAN

MPP
ZON 20



9.12.2023 (SABTU)
RUMAH TERBUKA DEEPAVALI 2023
DEWAN SERBAGUNA

MPP
ZON 22



17.12.2023 (AHAD)
SAMBUHAN HARI DONG ZHI
SOUTH CITY PLAZA

MPP
ZON 24



20.12.2023 (RABU)
PROGRAM PERAYAAN WINTER SOLSTICE
PASAR PAGI TSBI

RANGKUL DUA ANUGERAH MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS SEMPENA MYPLACE AWARD 2023



Majlis Bandaraya Subang Jaya menerima dua pengiktirafan Malaysian Institute Of Planners (MIP) sempena MyPlace Award 2023 bertempat di Hotel Le Meridien, Petaling Jaya, pada 2 Disember 2023.

MBSJ telah menerima anugerah:

- Sapphire Award bagi projek 'Facebook Majlis Bandaraya Subang Jaya' dibawah Kategori 10: Placemaking Movement on Social Media.
- Sapphire Award bagi projek Taman Rekreasi Hutan Bandar dan Taska MBSJ bagi Kategori 3: Community and Neighbourhood Park.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta pegawai MBSJ telah hadir bagi menerima anugerah tersebut.

MyPlace Award 2023 diadakan bagi mengiktiraf kecemerlangan pihak berkaitan dalam usaha menambah baik kawasan awam yang memberi impak positif kepada komuniti.

Tahniah diucapkan dan semoga bandar raya ini akan terus kondusif dan mampan serta terus gemilang di masa hadapan.



PANTAS PERKASA KEMAHIRAN CANTASAN DAN PEMOTONGAN POKOK



Seramai 21 orang anggota PANTAS MBSJ yang terdiri daripada pegawai dan anggota telah menjalani sesi Latihan Cantasan dan Pemotongan Dahan Pokok di sekitar Jalan SS 15/2, Subang Jaya pada 2 Disember 2023 yang dikendalikan oleh Jabatan Landskap bersama kontraktor landskap MBSJ.

Objektif sesi latihan ini adalah bertujuan bagi memberi pengajaran tentang teknik pemotongan pokok yang lebih efektif kepada anggota PANTAS MBSJ.

Adalah diharapkan melalui sesi latihan ini akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan serta memperkembangkan lagi persiapan pasukan PANTAS MBSJ bagi mendepani musim monsun timur laut pada tahun ini.





AKSI LINCAH DAN MENARIK PESERTA DI **PERTANDINGAN KABADDI PIALA DATUK BANDAR MBSJ 2023**



Pada 2 Disember 2023 telah berlangsung Pertandingan Kabaddi Piala Datuk Bandar MBSJ 2023 bertempat di Stadium Tertutup MBSJ Serdang Jaya.

Kejohanan tersebut telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut serta Encik Mehanatan a/l Embamurthi, Ahli Majlis MPP Zon 18.

YB Tuan Preakas a/l Sampunathan turut meluangkan masa menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Syabas kepada semua peserta yang menyertai pertandingan pada kali ini.



PEMENANG KATEGORI LELAKI:

JOHAN	SEMENYIH A
NAIB JOHAN	PUCHONG A
TEMPAT KETIGA BERSAMA	1. BATU CAVE 2. CHEETAH RAIDERS A

PEMENANG KATEGORI WANITA:

JOHAN	CHEETAH RAIDERS
NAIB JOHAN	PETALING
TEMPAT KETIGA BERSAMA	1. SEMENYIH A 2. KUALA LANGAT



Majlis Sambutan Deepavali MBSJ 2023



Seramai lebih kurang 1,000 pengunjung dari pelbagai kaum telah hadir ke Majlis Sambutan Deepavali Peringkat MBSJ 2023 pada 2 Disember 2023 di Dewan Serbaguna MBSJ Seri Kembangan, Selangor.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, Ahli Dewan Negeri Seri Serdang bersama YB Tuan Cheong Kian Young, Ahli Dewan Negeri Kajang serta Encik M.Anbarasan a/l Murugesu, Ahli Majlis



MBSJ Zon 19. Turut hadir memeriahkan majlis adalah Ahli-Ahli Majlis MBSJ, warga kerja MBSJ serta komuniti MBSJ.

Dalam majlis tersebut, MBSJ telah menyumbangkan sebanyak 300 unit set kotak barang dapur yang bernilai RM 100.00 kepada golongan yang kurang berkemampuan dan penerima merupakan

penduduk dari kawasan Puchong dan Serdang.

Selain itu juga, para pengunjung telah dihiburkan dengan persembahan kebudayaan, nyanyian serta jamuan makan malam.

Adalah diharapkan majlis ini menjadi landasan terbaik bagi memupuk semangat perpaduan kaum di antara kaum di pentadbiran MBSJ.

MBSJ TERIMA LAWATAN KERJA

DARIPADA UITM
CAWANGAN PERAK



MBSJ berbesar hati menerima Lawatan Kerja daripada Universiti MARA [UITM] cawangan perak ke MBSJ pada 4 Disember 2023.

Lawatan kerja ini telah diketuai oleh Sr. Dr. Aini binti Salleh, Pensyarah Kanan, Program Sarjana Muda Pengurusan Hartanah dan Dr. Nor Azalina Yusnita Abd Rahman, Pensyarah Kanan Program Sarjana Muda Pengurusan Hartanah.



Sesi taklimat dan penerangan mengenai proses Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBSJ berkaitan Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) telah disampaikan oleh Sr. Hasnor Salwa binti Harun, Penolong Pengarah Kanan Penilaian, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Diharapkan melalui lawatan ini, para delegasi dapat mempraktikkan perkara yang telah dipelajari dalam bidang pembelajaran dan kerjaya pada masa hadapan.



Pada 4 Disember 2023 telah berlangsung Majlis Penyampaian Hadiah Kebun Komuniti MBSJ 2023 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7, Subang Jaya.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah menyempurnakan Majlis tersebut serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Pertandingan kebun komuniti ini diadakan sebagai bentuk dorongan dan sokongan kepada pengusaha kebun komuniti dalam menuju ke arah bandar hijau rendah karbon.

Sebanyak 67 kebun komuniti yang telah dipertandingkan bagi 5 kategori pertandingan iaitu Kebun Komuniti Bandar (Perumahan Landed), Kebun Komuniti Bandar (Perumahan Bertingkat), Anugerah Pucuk Muda (Kebun Yang Baru Dimulakan), Penghargaan Hijau (Inisiatif Swasta) dan Penghargaan Hijau (NGO).



PEMENANG KEBUN KOMUNITI MBSJ

KATEGORI 1

KEBUN KOMUNITI BANDAR (PERUMAHAN 'LANDED')	
PEMENANG	
TEMPAT PERTAMA	JALAN TEMPUA, PUCHONG JAYA
TEMPAT KEDUA	USJ 2
TEMPAT KETIGA	LEP 7
SAGUHATI	USJ 12
	TP 7, TAMAN PINGGIRAN USJ
	USJ 16

KATEGORI 3

ANUGERAH PUCUK MUDA	
PEMENANG	
TEMPAT PERTAMA	USJ COURT 9, USJ 14
TEMPAT KEDUA	RUSELLIA, PINGGIRAN PUTRA
TEMPAT KETIGA	USJ 3A, SUBANG JAYA



KATEGORI 2

KEBUN KOMUNITI BANDAR (PERUMAHAN BERTINGKAT)	
PEMENANG	
TEMPAT PERTAMA	USJ 14, SUBANG JAYA
TEMPAT KEDUA	BANDAR BUKIT PUCHONG
TEMPAT KETIGA	ENGGANG, BANDAR KINRARA
SAGUHATI	PANGSAPURI MUTIARA HEIGHT
	PANGSAPURI JATI, SERDANG
	PANGSAPURI GARNET, PUCHONG

KATEGORI - KHAS 1

PENGHARGAAN HIJAU (INISIAF SWASTA)	
PEMENANG	
PENGHARGAAN	SEKOLAH SRI KL, SS 15 SUBANG JAYA

KATEGORI - KHAS 2

PENGHARGAAN HIJAU (NGO)	
PEMENANG	
PENGHARGAAN	P3KU, KEBUN KOMUNITI USJ 18





LATIHAN KEBAKARAN DAN PENGUNGSIAN BANGUNAN TINGKAT **SIAP SIAGA BENCANA**



Dalam usaha memastikan semua warga MBSJ sentiasa bersiap siaga apabila berlakunya kebakaran, MBSJ telah mengadakan Sesi Latihan Kebakaran pada 6 Disember 2023 bertempat di Ibu Pejabat MBSJ.

Sesi latihan ini telah dikendalikan oleh Jawatankuasa Keselamatan Jabatan MBSJ dan dibantu oleh skuad PANTAS bersama Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya yang melibatkan pihak Pengurusan Tertinggi, warga kerja serta pelanggan MBSJ.

Pada sesi latihan ini juga, pihak Bomba turut memberikan taklimat keselamatan serta melaksanakan demonstrasi penggunaan alat pemadam api.

Semoga latihan ini akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan kepada semua warga kerja MBSJ supaya lebih berwaspada dan bersedia sekiranya berlaku kecemasan atau bencana terutama waktu kebakaran.



SERAMAI 42 PESERTA SERTAI PROGRAM U-PLATS MODUL 3 - PENCIPTAAN KANDUNGAN DIGITAL



Pada 12 Disember 2023 telah diadakan Program U-PLATS (Modul 3 - 'Penciptaan Kandungan Digital') bertempat di Dewan Kenanga, MBSJ.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah hadir ke

program tersebut serta menyantuni para peserta. Turut serta Puan Nik Zalina binti Megat Muda, Pengarah Jabatan Pelesenan MBSJ bersama Puan Rosmawati binti Zainuddin, Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Pelesenan MBSJ.

Objektif modul adalah untuk memberikan pengetahuan kepada peniaga berkaitan kaedah menyediakan bahan promosi dan video di media sosial dengan lebih menarik. Seramai 42 peserta telah menyertai program ini dengan bimbingan Coach dari pihak Selangor Youth Community [SAY].



MENTERI KPKT TINJAU KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH PASAR AWAM BAZAR RAKYAT SK6/1, SERI KEMBANGAN, SELANGOR



YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah turun padang ke Pasar Awam Bazar Rakyat, SK 6/1, Seri Kembangan pada 28 Disember 2023 dalam satu lawatan kerja rasmi beliau.



Dalam lawatan ini, Yang Berhormat Menteri telah diiringi oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta pengurusan Bantenggi Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi melihat kawasan sekitar serta menyantuni peniaga-peniaga di pasar awam tersebut.



Yang Berhormat Menteri juga turut meninjau kerja-kerja membaiki pulih pasar tersebut melalui peruntukan berjumlah RM300 ribu yang telah disalurkan oleh KPKT sebelum ini. Kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan meliputi kerja-kerja mengecat semula struktur besi, dinding bata, penggantian penutup longkang (MS Grating) serta kerja-kerja menaik taraf tandas/pembaikan tandas.



KEJOHANAN SELANGOR CRITERIUM SERIES X SUBANG JAYA SIRI KEDUA

HANGATKAN HARI TANPA KENDERAAN SUBANG JAYA



Program Hari Tanpa Kenderaan (HTK) Subang Jaya 2023 telah diadakan pada 10 Disember 2023 bertempat di Jalan SS 16/1 berhadapan dengan AEON BiG, Subang Jaya dan Subang Parade.

Pada HTK Subang Jaya kali ini telah berlangsung acara utama iaitu Kejohanan Selangor Criterium Series X Subang Jaya Siri Kedua. Kejohanan ini merupakan kesinambungan dari siri kejohanan berbasikal yang telah berlangsung semasa HTK MBSJ pada bulan Oktober 2023 yang lalu.

Selain itu juga, turut diadakan pelbagai aktiviti riadah dan sukan pada hari tersebut antaranya seperti Kayuhan Santai Subang Jaya Urban Ride 35KM, Aktiviti memanah, Street Soccer, Bazaar Sarapan Pagi, Pemeriksaan Kesihatan dan Mata Percuma, Tarian Kecergasan, Demonstrasi Memasak oleh Chef Selebriti Sakya, Pameran dari Pelbagai Agensi serta Cabutan Bertuah.

Para pengunjung HTK pada kali ini juga turut berpeluang menyaksikan demonstrasi khas Tiger Platoon daripada Skuad Khas Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Diharapkan aktiviti yang diadakan dapat memberi manfaat kepada pengunjung serta menjadikan MBSJ sebagai bandar rendah karbon menjelang tahun 2030.



SILA IMBAS KOD QR

UNTUK MENONTON VIDEO PENDEK PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN DISEMBER 2023



DATUK BANDAR TERIMA DARJAH KEBESARAN

DATO' SULTAN SHARAFUDDIN
IDRIS SHAH (D.S.I.S.)



Majlis Bandaraya Subang Jaya menerima berita gembira apabila kedua-dua Pihak Pengurusan Tertinggi MBSJ telah menerima anugerah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor yang ke 78 Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Sekalung tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim D.S.I.S., S.M.S., Datuk Bandar MBSJ atas penganugerahan Darjah Kebesaran Dato' Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S) yang membawa gelaran Dato'.



Tahniah juga diucapkan kepada YBrs. Tuan Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N., Timbalan Datuk Bandar MBSJ atas penganugerahan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (S.M.S)





MBSJ PBT PERTAMA LANCAR MANUAL PROSEDUR PENYEMPURNAAN WARAN TANGKAP DAN PELAKSANAAN KUASA-KUASA TANGKAPAN TANPA WARAN



Pada 14 Disember 2023, MBSJ telah melancarkan Manual Prosedur Penyempurnaan Waran Tangkap dan Pelaksanaan Kuasa-Kuasa Tangkapan Tanpa Waran di Bawah Peruntukan Undang-Undang MBSJ bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah YBrs. Tuan Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar

MBSJ dan YBrs. Puan Nur Natasya binti Mohtarudin, Majistret Mahkamah Majistret [Munisipal] Subang Jaya serta wakil dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang.

Manual prosedur yang pertama di PBT Selangor ini berfungsi sebagai garis panduan kepada semua pegawai dan kakitangan MBSJ bagi melaksanakan tindakan penangkapan dengan lebih berkesan, telus dan berintegriti serta mematuhi kehendak prosedur dan perundangan yang telah

Diharapkan melalui pelancaran manual ini, akan dapat membantu pegawai dan kakitangan MBSJ yang terlibat agar dapat melaksanakan tanggungjawab dan tindakan penangkapan dengan lebih berkesan, telus dan berintegriti serta mematuhi kehendak prosedur dan perundangan.



PERHIMPUNAN TERAKHIR BAGI TAHUN 2023



Perhimpunan MBSJ bagi bulan Disember 2023 telah berlangsung pada 13 Disember 2023 bertempat di Arena MBSJ yang telah dihoskan oleh Jabatan Landskap MBSJ.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, Timbalan Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Kejuruteraan serta ketua-ketua jabatan dan warga kerja MBSJ telah hadir pada perhimpunan kali ini.



Datuk Bandar MBSJ telah menyampaikan ucapan serta menyeru seluruh warga kerja MBSJ sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam usaha meletakkan MBSJ sebagai bandaraya bestari yang bersih, cantik dan selesa untuk urusan perniagaan, perindustrian dan kediaman. Turut diadakan majlis penyampaian hadiah kepada warga kerja MBSJ yang telah menyertai pertandingan antara Jabatan.





PROGRAM MENEMBAK BERSAMA RAKAN MEDIA DAN AGENSI- AGANSI KERAJAAN MBSJ 2023

ERATKAN HUBUNGAN



Bagi mengeratkan hubungan kerjasama rakan media serta agensi keselamatan bandar raya, MBSJ telah menganjurkan Program Menembak Bersama Rakan Media dan Agensi-Agensi Kerajaan MBSJ 2023 pada 14 Disember 2023 bertempat di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan Subang, Jalan Lapangan Terbang Subang, Selangor.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tn. Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah YDH ACP Wan Mazlan bin Wan Mamat, Ketua Polis Daerah (IPD) Subang Jaya dan YDH ACP A.A Anbalagan, Ketua Polis Daerah (IPD) Serdang.

Objektif program ini diadakan adalah bertujuan menzahirkan penghargaan dan pengiktirafan kepada rakan media yang banyak membantu mempromosikan dan menyalurkan maklumat berkenaan MBSJ kepada komuniti dan pemegang taruh sekaligus sebagai tanda apresiasi kepada agensi keselamatan yang telah banyak memberikan bantuan dan kerjasama terutama dalam situasi bencana keselamatan.

Adalah diharapkan program ini dapat memberikan persepsi yang positif kepada rakan media bahawa MBSJ amat komited dan efektif dalam melaksanakan peranan bersama dan memikul amanah dan harapan tinggi penduduk dalam memberikan perkhidmatan.



3,100 EKOR BURUNG GAGAK BERJAYA DITEMBAK



Sebanyak 3,100 ekor gagak telah dimusnahkan dalam Program Menembak Gagak Peringkat MBSJ pada 17 Disember 2023 di seluruh kawasan pentadbiran MBSJ.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah menghadiri program ini bersama Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik serta Dr. Nurnawwar Binti Arpaii, Timbalan Pengarah Kesihatan MBSJ.

Program ini dianjurkan bagi mengawal populasi gagak yang merupakan haiwan perosak dan boleh membawa penyakit dan seramai 29 orang peserta telah menyertai program ini.

MBSJ telah memperuntukkan insentif tunai sebanyak RM 6.00 bagi seekor gagak yang berjaya ditembak dan sejumlah RM18,600.00 telah dibayar secara tunai kepada peserta.

Jumlah burung gagak yang berjaya ditembak mengikut DUN adalah seperti berikut:

KAWASAN	JUMLAH
DUN Subang Jaya	570 Ekor
DUN Kota Kemuning	140 Ekor
DUN Kinrara	680 Ekor
DUN Seri Serdang	834 Ekor
DUN Seri Kembangan	876 Ekor





GOMBAK FA RANGKUL JUARA SELANGOR CHAMPION LEAGUE 2023



DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, DYTM Raja Muda Selangor, berkenan berangkat hadir ke Arena MBSJ bagi menyaksikan perlawanan akhir Selangor Champions League 2023 yang telah berlangsung di Arena MBSJ pada 10 Disember 2023.

Turut hadir mengiringi Raja Muda Selangor, YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tn. Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar bagi bersama-sama memberi sokongan penuh kepada pasukan yang bertanding dalam perlawanan akhir pada kali ini.

Perlawanan akhir rasmi ini telah menyaksikan saingan sengit antara pasukan Gombak FA menentang pasukan Kg. Bharu Boss dengan keputusan 1-0 menjadikan Gombak FA juara Selangor Champions League 2023.

Tahniah diucapkan kepada pasukan yang berjaya!



KONTINJEN MAKSAK SELANGOR RANGKUL JOHAN PERTANDINGAN 'BATTLE OF THE BANDS' DI FESTIVAL ANAK SENI MAKSAK (FASIM) 2023



Syabas dan tahniah diucapkan kepada Sgabungan Kombo MBSJ dan MBA yang mewakili MAKSAK Selangor kerana telah merangkul Johan Pertandingan 'Battle of the Band' di Festival Anak Seni MAKSAK (FASIM) 2023 bertempat di Dewan MAKSAK Putra, Putrajaya.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Encik Radin Hedly Syah bin Radin Mohamad Hambali, Setiausaha Agung MAKSAK Malaysia.

Selain dinobatkan sebagai Johan 'Battle of The Band', Kontijen MAKSAK Selangor turut dianugerahkan Naib Johan Bintang Asli dan Naib Johan Tarian Rakyat Kreatif. Kontijen juga

turut meraih Vokal Wanita Terbaik, Persembahan Terbaik dalam kategori Bintang Asli dan Keyboardist Terbaik, Bassis Terbaik, Vokal Lelaki Terbaik dalam Kategori 'Battle Of The Bands'.

Sebagai makluman, kejohanan ini telah berlangsung selama empat hari bermula 14 sehingga 17 Disember 2023 yang lalu.



TANAH RUNTUH TAMAN WAWASAN, PUSAT BANDAR PUCHONG: MBSJ BERTINDAK PANTAS PASANG CERUCUK KAWAL PERGERAKAN TANAH



Pada 16 Disember 2023 yang lalu, telah berlaku kejadian tanah runtuh di Jalan Wawasan 3/9 dan 3/14 pada kira-kira 7.30 petang yang telah menyebabkan empat kenderaan tertimbus namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Susulan kejadian itu, seramai 29 penghuni di sembilan buah rumah teres di Taman Wawasan Puchong, Puchong, Selangor telah diarah berpindah atas faktor keselamatan dan diarah berlindung di Pusat Pemindahan Sementara di Dewan Serbaguna Laman Puteri 3, Puchong. Bagaimanapun, hanya 8 dari mereka yang berbuat demikian, manakala selebihnya berlindung di rumah saudara mereka.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YDH

ACP A.A Anbalagan, Ketua Polis Daerah (IPD) Serdang serta Ahli Majlis MBSJ telah turun padang melihat sendiri kejadian tersebut.

Justeru itu, beliau telah mengarahkan agar tindakan langkah segera dan jangka panjang diambil iaitu dengan menutup sementara kawasan runtuhan dengan kanvas, melaksanakan kerja-kerja pengukuhan tebing menggunakan kaedah 'sheet pilling' sepanjang 150 meter dan siasatan dan kajian tanah dilaksanakan segera untuk menentukan rekabentuk pembinaan semula tebing runtuhan. Pihak MBSJ dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor serta Agensi Pertahanan Awam, akan mengawasi dan memantau kawasan berkenaan bagi memastikan orang ramai tidak berkumpul, selain menjaga harta benda penduduk yang diarahkan berpindah.



PROGRAM ZIARAH KASIH BANTU GOLONGAN TIDAK BERKEMAMPUAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 14, Puchong telah mengadakan Program Ziarah Kasih MBSJ Tahun 2023 bertempat di Pangsapuri Puchong Permai, Puchong, Selangor.

Dalam program ini, YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama Encik Ahmad Danish bin Hairudin, Ahli Majlis MBSJ MPP Zon 14 telah berbesar hati menyantuni seramai (15) keluarga yang kurang berkemampuan di lokasi ini.

Sebagai makluman, program pada tahun ini mensasarkan sebanyak 360 penerima sumbangan bagi setiap Zon MPP MBSJ (24 Zon) dan adalah diharapkan bantuan yang disampaikan diharapkan dapat membantu mereka yang berkeperluan sekaligus memperkukuhkan hubungan antara MBSJ, MPP dan komuniti bandaraya.



RECYCL8: A COMMUNITY BASED PLASTIC RECYCLING GALAK KEHIDUPAN LESTARI



Pada 19 Disember 2023 telah berlangsung Festival Kampung ECO bertempat di Kampung Batu 13, Puchong anjuran Persatuan Gaya Hidup Lestari Biji-biji Kuala Lumpur dan Selangor.

Program selama 1 hari ini merupakan aktiviti kemuncak sempena 'Handover Of Completed Project' Geran Komuniti Subang Jaya Smart Vibrant tahun 2023 bagi tajuk Recycl8: A Community Based Plastic Recycling.

Pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan seperti pameran penghasilan produk kitar semula,

bengkel kitar semula, bengkel membuat sabun dari minyak masak terpakai dan bengkel menghasilkan kompos.

Projek Recycl8: A Community Based Plastic Recycling telah dirasmikan oleh YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi@Azmi Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Serdang.

Melalui Geran Komuniti Subang Jaya ini, agensi telah dapat melaksanakan peranannya secara lebih aktif dan berkesan bagi inisiatif kitar semula.



LAWATAN KERJA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) KE MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj)



Seramai 40 orang pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Subang Jaya telah berkunjung ke Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) pada 20 Disember 2023.

Lawatan ini diadakan bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan aduan dan pusat panggilan, pengurusan bencana, pengurusan media dan hebahan, pengurusan penerbitan, serta pengurusan kualiti dan inovasi di MPKj.

Adalah diharapkan dengan lawatan kerja ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada masyarakat.



PROJEK KEBUN KOMUNITI BERKONSEPKAN MESRA WARGA EMAS



Pada 21 Disember 2023 telah berlangsung Majlis Perasmian Penutupan Projek Geran Komuniti 'The Multi-Sensory Accessible Garden For Sustainable & Healthy Community in Subang Jaya.'

Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Haji Yeop Hashim, Ahli Majlis MPP ZON 4, bertempat di Kebun Komuniti USJ 6, Subang Jaya. Turut hadir bersama Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ, Prof Sr Dr. Zulkiflee bin Abd Latiff Dekan Penyelidikan dan Inovasi (P&I), Prof Zulhabri, Pengarah Penerbit UiTM, Ts Aimi Ashikin Hanib serta Pn Norjuliana binti Radzali, Penolong Pegawai Kanan Pertanian.

UiTM selaku pelaksana projek komuniti melalui Kolej Pengajian Alam Bina telah berjaya melaksanakan dan menyiapkan projek Kebun Komuniti berkonsepkan Mesra Warga Emas yang pertama di Kebun Komuniti USJ 6, MPP Zon 4, Subang Jaya.

Delegasi turut diberi taklimat oleh Ketua Projek Sr Dr. Hafszah Ismail dan tinjauan juga telah dilakukan sekitar tapak yang meliputi beberapa elemen-elemen utama bagi konsep di kebun komuniti ini seperti Multi Sensory Garden, Accessible (Elderly Friendly) Garden, Water



Harvesting System dan Greenhouse.

Semoga dengan melalui perkongsian kepakaran yang ada di UiTM ini diharapkan dapat membantu MBSJ serta komuniti Subang Jaya dalam usaha memperkasakan kelestarian bandar bagi peningkatan kualiti hidup yang lebih baik.





Join ikuti Media Sosial Rasmi MBSJ



SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN CUKAI TAKSIRAN?



BAYAR SEGERA SEBELUM

- **PENGGAL 1 : 28 FEBRUARI 2024**
- **PENGGAL 2 : 31 OGOS 2024**



- 1. Tiada pengeposan bil Cukai Taksiran bermula 2021
- 2. Sila kemaskini no. tel bagi penghantaran peringatan musim pembayaran cukai
- 3. Semak & boleh muat turun (download) bil Cukai Taksiran terkini di

<https://ezy.mbsj.gov.my>

Sila Hubungi:
03-8026 3286/4316/7470/7466/3285
Email: unit-cukai@mbsj.gov.my



Daulat Tuanku



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K.(TERENGGANU), D.K.(KELANTAN), D.K.(PERAK), D.K.(PERLIS), D.K.(NEGERI SEMBILAN), D.K.(KEDAH), D.K.(JOHOR), D.K.(PAHANG),
S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

Sembah Tahniyah Dan Ucapan Selamat

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-78
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**

Pada 11 Disember 2023 Bersamaan 27 Jumadal Ula 1445H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA:



**DATUK BANDAR, TIMBALAN DATUK BANDAR, AHLI-AHLI MAJLIS DAN SELURUH WARGA KERJA
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.



Majlis Bandaraya Subang Jaya



sjcitycouncil

www.mbsj.gov.my